

Rangsangan Kemahiran Motor Halus dan Kognitif Murid Prasekolah Menggunakan Playdough

ABSTRACT

Kajian ini mengkaji keberkesanan kemahiran motor halus dan kognitif kanak-kanak menggunakan aktiviti bermain playdough. Dalam kajian ini, reka bentuk ujian pra-pasca satu kumpulan menggunakan kaedah kuasi-eksperimental telah digunakan. Kumpulan rawatan terdiri daripada 15 orang murid prasekolah berumur 6 tahun sebagai sampel kajian. Data dikumpul menggunakan prosedur ujian pra, ujian pasca, dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan purata skor kemahiran motor halus daripada 60.53% peratus kepada 89.87% iaitu peningkatan sebanyak 27.47%. Kemahiran kognitif juga menunjukkan peningkatan purata skor daripada 66.53% kepada 95.20%. Hasil kajian ini menunjukkan aktiviti bermain playdough memberikan kesan positif kepada perkembangan Kemahiran motor halus dan kognitif kanak-kanak. Oleh yang demikian penggunaan playdough boleh diperluaskan sebagai salah satu aktiviti pembelajaran dalam kelas pendidikan prasekolah.